

Tajuk: Kajian Kebanggaan Kerja dan Penjenamaan Semula Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional daripada Perspektif Ibu Bapa, Guru dan Perantis
(Kertas Kajian)

Abstrak

Pendidikan teknikal dan latihan vokasional telah bertapak dalam sistem pendidikan Malaysia selama 30 tahun yang lalu. Namun, imej pendidikan teknikal dan latihan vokasional belum mendapat pengiktirafan sebagai laluan kerjaya bagi pelajar-pelajar sekolah oleh ibu bapa dan guru-guru di negara kita. Hasil kajian lepas mendapati bahawa ibu bapa dan guru-guru kurang memberi motivasi kepada pelajar untuk menceburkan diri dalam bidang teknikal dan latihan vokasional. Beberapa isu yang dikemukakan oleh pengkaji pendidikan teknikal dan vokasional antaranya adalah gaji rendah, laluan kerjaya tidak menjamin masa depan, tidak boleh masuk universiti dan akhirnya pendidikan teknikal dan latihan vokasional adalah untuk pelajar tercicir dan pelajar-pelajar istimewa (orang kurang upaya) (Ahmad Esa, 2010; Ramlee, 1999; Wancott, 2000; Gray, 1997; Stone, 1993; Kang and Bishop, 1986).

Kebanggaan kerja dan penjenamaan semula bidang kerjaya teknikal dan vokasional perlu dibuat perubahan bagi meningkatkan imej penampilan diri oleh perantis dan pekerja industri, persekitaran tempat kerja, kemudahan dan peralatan canggih yang disediakan oleh sekolah menengah, institutsi latihan awam dan industri serta ganjaran yang berpatutan bagi laluan kerjaya teknikal dan vokasional. Walaupun pelbagai usaha telah dijalankan oleh beberapa agensi yang berkaitan bagi menyebarkan maklumat mengenai pendidikan teknikal dan latihan vokasional kepada orang ramai, tetapi pilihan pelajar dan ibu bapa masih lagi kepada pendidikan akademik berbanding dengan pendidikan vokasional. Mengapa fenomena ini masih di takuk yang sama walaupun pelbagai agensi telah menjalankan publisiti. Adakah ibu bapa, pelajar, guru dan kaunselor sekolah dan pelbagai pihak berkaitan memahami sistem pendidikan vokasional? Atau ada promosi yang dilaksanakan mencukupi? Atau tidak cukup "success stories" daripada kalangan mereka yang menceburi bidang PTLV ditawarkan dalam media tanah air. Jesteru itu, adalah penting untuk memahami dan memberi kesedaran kepada ibu bapa mengenai PTLV di Malaysia.

Cadangan penambahbaikan PTLV harus diterokai daripada pemegang kepentingan yang terdiri daripada pelajar, ibu bapa, guru dan kaunselor sekolah dan perantis. Kajian kualitatif ini dijalankan di dua zon, iaitu, utara (Kedah) dan zon tengah (Selangor), dua buah sekolah telah dipilih bagi satu zon misalnya sekolah di bandar (Kajang) dan luar bandar (Dengkil) memadai bagi mendapatkan pandangan ibu bapa dan guru-guru. Persampelan bertujuan telah dipilih bagi memenuhi perbincangan kumpulan berfokus di sekolah dengan penyertaan ahli PIBG, iaitu, ibu bapa, guru kaunselor kerjaya, guru-guru. Analisis tematik telah dijalankan setelah temu bual berkumpulan dilaporkan secara verbatim, disusun dan ditafsirkan selepas kajian lapangan.

Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat tanggapan positif daripada ibu bapa dan guru mengenai kebanggaan kerja dan penjenamaan semula pendidikan teknikal dan latihan vokasional. Bidang teknikal dan vokasional bukan lagi tertumpu kepada pelajar lelaki dan pelajar lemah bahkan kajian ini telah membuktikan bahawa ibu bapa yakin bahawa pelajar perempuan juga boleh menjadi mekanik yang berjaya. Ibu bapa dan guru kini menggalakkan pelajar mengikuti bidang yang mereka minat bukan lagi melihat kepada keputusan peperiksaan semata-mata bagi melanjutkan pendidikan ke peringkat menara gading. Lulusan pendidikan teknikal dan vokasional juga boleh melanjutkan pendidikan di peringkat universiti dan pengajian di luar negara. Ada juga pandangan yang menyatakan bahawa peluang harus diberi kepada pelajar pengajian bahasa Arab atau pelajar pengajian Islam menceburi pendidikan teknikal dan latihan vokasional. Keterbukaan pendidikan teknikal dan latihan vokasional boleh meningkatkan imej, kebanggaan kerja dan penjenamaan semula bidang tersebut bagi mencapai negara perindustrian tahun 2020. Beberapa implikasi kajian telah dikemukakan bagi cadangan pembentukan polisi untuk mengambil langkah proaktif dalam menjana dan mempertingkatkan lagi promosi bidang teknikal dan latihan vokasional.